

26 JUL 2001

PARLIMEN-RINGGIT

TIADA CADANGAN NILAI SEMULA KADAR TUKARAN ASING, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak bercadang untuk menilai semula rejim kadar tukaran asing.

Ringgit masih disokong oleh asas-asas ekonomi yang kukuh di mana akaun semasa imbangan pembayaran mencatatkan lebihan, kadar inflasi berada di tahap yang rendah dan kedudukan rizab antarabangsa kekal kukuh, katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat hari ini.

"Dalam keadaan pasaran pertukaran asing yang mudah ubah, kadar pertukaran yang tetap memberi kepastian bagi tujuan dagangan dan pelaburan," katanya menjawab soalan Datuk Mustafa Ali (PAS-Dungun).

Dr Mahathir berkata dalam suasana sekarang ini, perubahan ke atas kadar pertukaran tetap dan penurunan dalam nilai ringgit tidak akan memberi faedah kepada Malaysia kerana permintaan dunia keseluruhannya adalah lemah dan sektor elektronik pula sedang mengalami kitaran menurun.

"Oleh itu penurunan nilai ringgit kepada tahap yang lebih rendah berbanding dolar Amerika Syarikat tidak akan meningkatkan eksport Malaysia.

"Malah, sektor dagangan negara-negara serantau yang mengalami penurunan matawang kebelakangan ini juga tidak menunjukkan peningkatan," katanya.

Sebaliknya, ia akan mengakibatkan kos input yang diimport meningkat dan akan menyebabkan kadar inflasi yang lebih tinggi, katanya.

Beliau berkata nilai ringgit yang rendah juga akan menyebabkan kos pembayaran khidmat hutang yang lebih tinggi.

Katanya, ketidakpastian mengenai kadar pertukaran juga tidak akan menyediakan suasana yang positif untuk mengendalikan perniagaan. -- BERNAMA

SHS SHS JR